

16 SEP 1999

Mahathir-Labuan

MAHATHIR TIBA UNTUK LAWATAN SEHARI DI LABUAN

LABUAN, 16 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba pagi ini untuk lawatan sehari ke pulau bebas cukai Wilayah Persekutuan Labuan.

Ketibaan beliau dan rombongan disambut pemimpin masyarakat, ketua jabatan kerajaan dan swasta serta pembesar tempatan diketuai anggota Parlimen Labuan Datuk Abdol Mulok Awang Damit.

Labuan yang terdiri daripada beberapa buah pulau dan berpenduduk kira-kira 60,000 menjadi wilayah persekutuan pada 1984 dan diisytiharkan sebagai pusat kewangan luar pesisir antarabangsa pada 1990 bagi menarik lebih banyak bank asing beroperasi di sini.

Sejurus selepas tiba Dr Mahathir yang juga Presiden UMNO mengadakan perjumpaan dengan pemimpin UMNO di bangunan Ujana Kewangan yang terletak di pusat bandar ini.

Beliau kemudiannya dijadual menghadiri jamuan makan tengah hari bersama pemimpin UMNO, parti komponen Barisan Nasional (BN), pegawai kerajaan dan swasta dan pemimpin pertubuhan bukan kerajaan.

Pada jamuan makan tengah hari itu Dr Mahathir akan turut melancarkan cakera padat video mengenai pelancongan Labuan dan buku "Layang-Layang: A Drop In The Ocean" karya Nicolas Pilcher, Steve Oakley dan Prof Ghazaly Ismail.

Pada sebelah petangnya pula Perdana Menteri dijadual mengadakan perjumpaan dengan pemimpin BN sebelum mengadakan pertemuan dengan pengusaha pelancongan dan perhotelan di pulau yang juga terkenal dengan pelancongan ini.

Beliau turut dijadualkan mengadakan pertemuan dengan Tan Sri Wong Chik Lim, Presiden Dewan Perniagaan Cina Labuan.

Pada sebelah malam Dr Mahathir akan menyampaikan amanat kepada beribu-ribu penduduk pulau ini pada majlis perjumpaan bersama rakyat yang akan diadakan di Dataran Labuan.

Perdana Menteri akan berlepas ke Kota Kinabalu pagi esok untuk lawatan dua hari ke Sabah.

-- BERNAMA

MT NMO